

Sorotan Literatur Pengurusan Wakaf di Arab Saudi

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 314-326
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 16 July 2025
Accepted: 17 August 2025
Published: 11 September 2025

[A Literature Review Waqf Management in Saudi Arabia]

Rokhaizat Rahmat¹ & Salmi Edawati Yaacob^{1*}

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: p110346@siswa.ukm.edu.my, salmy1001@ukm.edu.my

*Corresponding Author: salmy1001@ukm.edu.my

Abstrak

Wakaf dalam Islam telah menjadi salah satu sumber kewangan sosial yang utama di Arab Saudi sejak sekian lama. Wakaf dimanfaatkan dalam pelbagai objektif sosial berbentuk pembiayaan secara berterusan, institusi dan projek-projek yang menyokong pembasmian kemiskinan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Di kebanyakan negara, sektor wakaf sedang giat aktif digerakkan dalam menyumbang secara strategik kepada pembangunan sosial dan ekonomi. Kejayaan wakaf dalam sesebuah institusi memerlukan pengurusan yang adil dan bersistematik demi mencapai kelestarian wakaf. Justeru itu, matlamat kajian ini adalah untuk menganalisis keberkesanan pengurusan institusi wakaf di Arab Saudi dalam menyumbang kepada KDNK negara. Dengan pengurusan yang efisien, dana wakaf berhasil membantu mencapai ekonomi berpendapatan tinggi kerana aktiviti wakaf itu sendiri dapat merangsang pertumbuhan ekonomi di Arab Saudi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen dan sorotan literatur sistematik. Data dikumpul melalui dokumen primer seperti laporan tahunan GAA dan dokumen rasmi kerajaan, serta dokumen sekunder termasuk artikel jurnal, tesis dan laporan penyelidikan dari tahun 2014-2024. Analisis data dilakukan secara tematik dengan memfokuskan kepada aspek pengurusan wakaf di Arab Saudi. Hasil kajian mendapati wujud usaha dari pihak GAA melalui program latihan pengurusan kepada pegawai dan aktiviti hebahan wakaf secara aktif seterusnya memberikan manfaat yang berterusan kepada institusi dan masyarakat. *General Authority of Awqaf* (GAA) juga mewujudkan rangkaian hubungan yang harmoni dengan semua pihak yang terlibat dalam aktiviti wakaf sama ada di peringkat negeri, negara dan antarabangsa bagi memastikan matlamat tercapai berlandaskan hukum Syara'. Dengan kejayaan ini dapat menambah aset wakaf negara seterusnya dapat dimanfaatkan ke setiap lapisan masyarakat.

Kata kunci: Wakaf, Pengurusan Wakaf, Wakaf Arab Saudi

Abstract

Waqf in Islam has been one of the main sources of social finance in Saudi Arabia for a long time. Waqf is utilized in various social objectives in the form of continuous financing, institutions and projects that support poverty eradication, education and healthcare. In most countries, the waqf sector is being actively mobilized in contributing strategically to social and economic development. The success of waqf in an institution requires fair and systematic management in order to achieve waqf sustainability. The objective of this study is to evaluate the effectiveness of waqf institutional management in Saudi Arabia in relation to its contribution to the nation's GDP. With efficient management, waqf funds have succeeded in helping to achieve a high-income economy because waqf activities themselves can stimulate economic growth in Saudi Arabia. This study employs a qualitative approach, including document analysis and systematic literature review methods. Data collection involved primary documents like GAA annual reports and official government documents, alongside secondary sources such as journal articles, theses, and research reports spanning from 2014 to 2024.

Thematic data analysis was performed, concentrating on various elements of waqf management within Saudi Arabia. The results of the study found that there are efforts from the GAA through management training programs for officers and active waqf promotion activities, which in turn provide continuous benefits to the institution and society. The *General Authority of Awqaf* (GAA) also creates a harmonious network of relationships with all parties involved in waqf activities, whether at the state, national and international levels, to ensure that goals are achieved in accordance with Sharia law. With this success, the country's waqf assets can be increased and then utilized by every level of society.

Keywords: Waqf, Waqf Management, Waqf in Saudi Arabia



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Rokhaizat Rahmat & Salmi Edawati Yaacob. (2025). Sorotan Literatur Pengurusan Wakaf di Arab Saudi [A Literature Review Waqf Management in Saudi Arabia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 314-326.

Pengenalan

Pengurusan wakaf yang dinamik dan terancang penting dalam menjamin pencapaian yang cemerlang (Jasni Sulong & Muhammad Syamir Izzuddin Zulkifli 2022). Sehingga kini, didapati beberapa negara Islam telah berjaya menunjukkan pengurusan wakaf yang berkesan menjadikan aset wakaf semakin berkembang dari semasa ke semasa antaranya Arab Saudi (Hanim Misbah et al. 2022). Sebagai konsep harta yang diperuntukkan untuk tujuan kebajikan umum dalam Islam, wakaf di Arab Saudi tidak hanya menyokong pembangunan infrastruktur agama seperti masjid dan tanah perkuburan, namun ia juga menyumbang kepada sektor kesihatan (Al Malki & Prof. Ahmad Che Yaacob 2023), pendidikan (Al-Ghamidi n.d.), perumahan (Faiza Elmaghop et al. 2025), perladangan (Al-Tulaibawi et al. 2024) dan perhotelan (Kasdi et al. 2022).

Sejak zaman awal kemunculan Islam lagi, wakaf telah dipraktikkan menjadi aspek yang lengkap dengan bahagian-bahagiannya dalam masyarakat Arab (Suad Aboud Bin Afif 2018). Ini diperkuat melalui pengelolaan yang sistematik dan pengawasan ketat oleh badan berautoriti yang dilantik. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji sorotan literatur terkini mengenai pengurusan wakaf di Arab Saudi dengan memfokuskan kepada sejarah pengurusan wakaf, model pengurusan semasa, isu-isu yang dihadapi dan cabaran-cabaran yang perlu diatasi pada masa hadapan.

Sejarah panjang pengurusan wakaf di Arab Saudi bermula sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan Khulafa al-Rasyidin dengan penetapan landasan penting dalam pengurusan harta wakaf (Al-Omar 2019). Namun konteks Arab Saudi pada masa kini, pengurusan wakaf telah mengalami transformasi yang lebih signifikan dalam memastikan keberkesanan pengagihan manfaat wakaf bagi menyokong keperluan semasa masyarakat. Institusi seperti *General Authority of Awqaf* (GAA) memainkan peranan yang penting dalam pengurusan dan pemantauan aset wakaf tanpa menyetepikan aspek penjagaan kepatuhan

terhadap nilai-nilai Islam dan prinsip Syariah. Dengan perkembangan masyarakat dan keperluan yang semakin kompleks, pengurusan wakaf di Arab Saudi juga tidak lari dari menghadapi isu dan cabaran (A Alqarawi et al. 2024), termasuk pemodenan dalam menguruskan harta wakaf tanpa menjejaskan integriti agama.

Artikel ini akan menganalisis model pengurusan wakaf semasa yang diterapkan di Arab Saudi melalui laporan dan dokumentasi yang dikumpulkan. Ini termasuk pendekatan inovatif dalam pengumpulan dan pengagihan dana wakaf serta bagaimana institusi-institusi terkait bekerja untuk memastikan penggunaan yang optimum bagi kepentingan umum. Model ini tidak hanya mengambil kira aspek pengurusan syariah, tetapi juga merangkumi strategi pengurusan moden yang bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Artikel ini dijangka akan dapat mengenal pasti cabaran yang bakal dihadapi dalam pengurusan wakaf di masa hadapan. Di antaranya meningkatkan kesedaran dan penyertaan masyarakat dalam menyumbang dan memelihara harta wakaf dengan memanfaatkan pelantar atas talian yang telah dibangunkan serta daya tahan menghadapi tekanan isu-isu semasa yang melibatkan globalisasi dan perubahan sosial.

Sorotan Kajian

Berdasarkan kajian-kajian lepas dari tempoh 2014 sehingga tahun 2024, didapati kajian dalam bidang wakaf di Arab Saudi meliputi 3 sub-topik utama iaitu hukum-hakam wakaf, pengurusan dan pentadbiran wakaf. Maklumat dari pangkalan data laman carian *Saudi Digital Library* (SDL), terdapat 17 artikel yang direkodkan dengan menggunakan kata kunci "*Waqf in Saudi Arabia*". Manakala carian menggunakan halaman Scopus menemui 4 buah artikel dengan menggunakan kata kunci "*Waqf Management in Saudi Arabia*" antaranya artikel perbandingan di antara Indonesia dan Arab Saudi (Zawawi et al. 2023) serta pembangunan wakaf di Timur Tengah oleh (Kasdi et al. 2022) .

Sepanjang pengamatan penyelidikan, beberapa kajian pengurusan yang dibuktikan secara empirikal di Arab Saudi ialah kajian yang menyentuh perbandingan pengurusan wakaf di Malaysia dan Arab Saudi (Abdulhadi Mohammed Tahir 2015), amalan tadbir urus dan pengurusan di Arab Saudi (Alotaibi 2022) dan perbandingan pengurusan di Indonesia dan Arab Saudi (Mawaddah et al. 2024). Selain itu kajian didapati menyentuh sudut lain seperti urus tadbir dan akauntabiliti (Mohammed Alomair 2018), syarikat wakaf (Alssadi 2020) dan pelaburan dana wakaf (Sulaiman Saleh Mohaijeen AlRashed 2020).

Tesis (Abdulhadi Mohammed Tahir 2015) antara kajian awal yang membandingkan pengurusan institusi wakaf di Malaysia dan Arab Saudi dari aspek perundangan. Kajian mendapati terdapat perbezaan dari lima aspek iaitu sumber punca kuasa, perundangan, pengurusan wakaf, sistem perundangan dan struktur perundangan wakaf. Pengurusan wakaf di Malaysia diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan tidak berhubung terus dengan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) namun terikat dengan undang-undang yang berbeza di setiap negeri manakala struktur pengurusan wakaf di Arab Saudi diletakkan di bawah satu pengurusan iaitu *General Authority of Awqaf* (GAA) *Kingdom of Saudi Arabia* kecuali bagi entiti persendirian seperti syarikat-syarikat wakaf dan sebagainya.

Manakala (Norma Md Saad et al. 2016) memfokuskan kajiannya terhadap perbandingan di antara dua institusi wakaf di Malaysia iaitu *IIUM Endowment Fund* dan Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad bersama lima buah institusi wakaf di bawah kelolaan *Islamic Development Bank* (IsDB) di Arab Saudi. Kajian merumuskan bahawa institusi-institusi wakaf ini telah menggunakan pendekatan inovatif dalam membangunkan program wakaf dengan usaha terkini dalam mengurus dan melabur aset wakaf. Walau bagaimanapun, (Mohammed Alomair 2018) yang merupakan tesis pertama mengkaji institusi wakaf secara empirikal dalam kajiannya berkenaan urus tadbir dan akauntabiliti mendapati masih terdapat banyak isu dan cabaran di bahagian pengurusan sehingga menyebabkan ada di kalangan pewakaf yang mendaftarkan wakaf untuk diuruskan di bawah kelolaan Kementerian Perdagangan berbanding GAA.

Kajian berikutnya membincangkan berkaitan konsep baharu dalam wakaf melalui penubuhan syarikat wakaf. Melalui syarikat wakaf, ia boleh mengambil sebarang bentuk entiti perniagaan sebagai wadah untuk aktiviti komersial (Alssadi 2020). Syarikat Wakaf Sulaiman Al-Rajhi (SWSAR) yang berpengalaman luas dalam operasi multi-sektor, melibatkan tiga industri utama di dalam syarikat wakaf iaitu pertanian, pemakanan dan perindustrian (Sulaiman Bin Abdulaziz Al-Rajhi Holding 2025). Hasil kajian mendapati, menurut amalan pelaksanaan di Arab Saudi, sesebuah syarikat wakaf ditakrifkan sebagai syarikat wakaf apabila kesemua sahamnya adalah wakaf. Maka dividen dapat memberikan manfaat kepada penerima yang telah ditetapkan. Sebaliknya jika pemilik syarikat mengisytiharkan sedikit saham yang diwakafkan maka ia tidak mencapai syarat penubuhan syarikat wakaf.

(Alsuwaigh et al. 2020) pula memfokuskan kajiannya terhadap kepentingan pendedahan perakaunan kepada gelagat pencarum wakaf tunai di samping menguji keperluan penyata kewangan tahunan wajib yang membolehkan komunikasi antara organisasi dan pemegang saham. Walau bagaimanapun, kajian mendapati terdapat kekurangan kajian dalam bidang wakaf tunai di Arab Saudi dari segi tinjauan literatur, kekurangan komitmen dan ketersediaan laporan kewangan.

Artikel (AlNemer 2022) meneroka berkaitan peraturan dan piawaian sedia ada yang digunakan oleh pihak GAA dalam mengurus dan mengawal institusi wakaf tempatan. Memandangkan 74% wakaf daripada entiti wakaf di Arab Saudi tidak diketahui maklumatnya maka terdapat banyak tuduhan berkaitan kecekapan piawaian wakaf semasa. Justeru, hasil kajian mencadangkan untuk mengguna pakai amalan wakaf terbaik (*best waqf practices*) menurut peraturan dan tadbir urus terbaik (*good governance*) sebagai langkah mengatasi halangan dalam kerangka mencapai rancangan pertumbuhan sebanyak SR350 bilion menjelang 2030 dalam penegasan kepentingan wakaf terhadap peningkatan projek sosio-ekonomi yang digariskan melalui Wawasan Saudi 2030.

Antara kajian lain memfokuskan kepada model wakaf di Arab Saudi membandingkan strategi pembangunan mampan dari segi undang-undang, pengurusan dan pelaburan (Zawawi et al. 2023). Hasil kajian mendapati institusi wakaf di kedua-dua negara iaitu Arab Saudi dan Indonesia berjaya mencapai pencapaian tertentu dengan peluang pendidikan, pengurangan kelaparan dan pekerjaan yang baik melalui program yang dijalankan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan.

Seterusnya (Farhan et al. 2023) dalam artikelnya berkaitan komitmen institusi wakaf dalam menerapkan prinsip tadbir urus dan faktor-faktor yang mempengaruhinya di Arab Saudi merumuskan lima prinsip tadbir urus dalam institusi wakaf iaitu ketersediaan rangka kerja yang

berkesan, perlindungan hak pewakaf dan penerima manfaat wakaf, definisi kuasa dan tanggungjawab pemegang amanah, tahap ketelusan dan pendedahan, serta perlindungan hak pemegang taruh. Kajian ini juga mendedahkan faktor ramalan yang mempengaruhi tahap komitmen untuk menggunakan prinsip tadbir urus dan diwakili oleh faktor-faktor umur pewakaf, badan penyelia institusi wakaf, bilangan pengurus institusi wakaf, bilangan ahli pemegang amanah dan tempoh bersidang majlis pemegang amanah.

(Mawaddah et al. 2024) pula berpendapat bahawa sebahagian aset wakaf di Arab Saudi lebih tertumpu kepada pembangunan di dua kota suci dengan pemeliharaan serta pemuliharaan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi selain penempatan di sekitarnya bagi memenuhi keperluan para jemaah haji dan umrah.

Oleh itu, kajian pengurusan yang dibuktikan secara empirikal dan terfokus dalam kalangan institusi wakaf di Arab Saudi dilihat masih terhad berbanding sudut lain, memberikan kelebihan kepada kajian ini untuk melihat sejauh mana perkembangan pengurusan institusi wakaf di Arab Saudi. Ringkasan kajian wakaf di Arab Saudi adalah seperti berikut:

Jadual 1: Ringkasan Kajian Empirikal Institusi Wakaf di Arab Saudi

Penulis	Tajuk Kajian	Metodologi	Hasil Kajian
(Abdulahdi Mohammed Tahir 2015)	Comparative Study of Waqf in Malaysia and Saudi Arabia	Kualitatif	Kajian mendapati sektor wakaf di kedua-dua negara secara umum dapat merealisasikan potensi peluang penambahbaikan dan perkembangan sektor wakaf melalui skim wakaf seperti <i>sukuk ijarah</i> , <i>sukuk al-intifa'</i> , wakaf tunai dan lain-lain.
(Norma Md Saad et al. 2016)	Best Practices of Waqf: Experiences of Malaysia and Saudi Arabia	Kualitatif	Kajian menyimpulkan program-program inovatif yang telah dijalankan oleh institusi wakaf di Arab Saudi dan Malaysia boleh diaplikasi dan diguna pakai oleh institusi wakaf di negara lain untuk mencapai hasil yang terbaik dan bermanfaat buat penerima wakaf.
(Mohammed Alomair 2018)	Governance and Accountability in Corporate Waqf Institutions in Saudi Arabia	Kualitatif, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen	Kajian mendapati terdapat persamaan dan perbezaan antara sektor wakaf yang terlibat dikaji dari sudut tadbir urus, akauntabiliti dan pihak berkepentingan. Selain itu terdapat perbezaan antara beberapa andaian teori dan pandangan dunia sebenar terhadap pengurusan wakaf.
(Alssadi 2020)	Waqf Company: Concept, Rulings and the practice in the KSA	Kualitatif, analisis kandungan	Penemuan utama definisi syarikat wakaf yang sahamnya semuanya wakaf. Kajian juga mendapati syarikat tidak menjadi syarikat wakaf kerana mempunyai sedikit saham yang diisytiharkan sebagai wakaf oleh pemiliknya.

(Alsuwaigh et al. 2020)	The Importance of the Accounting Disclosure as a Mediator Factor between the Shareholders of the Cash Waqf in the Kingdom of Saudi Arabia: The Theory of Planned Behavior	Kualitatif melalui kaedah teori dan kajian literatur	Kajian ini menjelaskan kepentingan pendedahan perakaunan terhadap gelagat pencarum Wakaf Tunai. Kajian mendapati terdapat kekurangan kajian dalam bidang ini khususnya di Arab Saudi melalui kajian literatur terdahulu.
(AlNemer 2022)	Strengthening Governance of Waqf in the Kingdom of Saudi Arabia: Status, Obstacles, and Institutional Transformation	Kualitatif, temu bual dan analisis dokumen	Hasil kajian menyimpulkan cadangan dari pakar supaya tanggungjawab wakaf harus berada di bawah satu sistem selain memberikan tumpuan mencari saluran pelaburan untuk dana wakaf awam yang terabai dengan nilai bilion riyal.
(Zawawi et al. 2023)	Waqf and Sustainable Development Law: Models of waqf Institution in the KSA and Indonesia	Kualitatif, pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual	Arab Saudi dan Indonesia telah mencapai perkhidmatan awam yang berkualiti dari sudut pendidikan, pembasmian kemiskinan dan kelaparan, kesihatan yang baik dan kebersihan air melalui sistem wakaf.
(Farhan et al. 2023)	The Commitment of Waqf Institutions to Apply the Governance Principles and the Factors Affecting Them in Saudi Arabia	Penyelidikan kaedah campuran (<i>mixed-method approach</i>)	Kajian merumuskan lima prinsip tadbir urus dalam institusi wakaf: ketersediaan rangka kerja yang berkesan berkaitan tadbir urus, perlindungan hak pewakaf dan penerima manfaat daripada wakaf, definisi kuasa dan tanggungjawab pemegang amanah, tahap ketelusan dan transparansi serta perlindungan hak pihak berkepentingan.
(Mawaddah et al. 2024)	Development of Waqf Management in Saudi Arabia	Kualitatif	Sebahagian daripada aset wakaf tertumpu kepada pembangunan di dua kota iaitu Makkah dan Madinah seperti pembinaan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta bangunan sekitar untuk memenuhi keperluan jemaah.

Strategi Pembangunan Mampan merangkumi semua dimensi kemajuan manusia dan bertujuan untuk memperbaiki kehidupan. Cabaran paling ketara dalam Matlamat Pembangunan Mampan ialah pembasmian kemiskinan, kerana kemiskinan boleh membawa kepada pelbagai isu masyarakat seperti mana semakin berleluasa pada hari ini. Justeru itu, dapat dilihat bahawa pengurusan dan pentadbiran sesebuah institusi wakaf adalah penting seiring dengan hukum-hakam wakaf yang telah ditetapkan oleh syariat. Dengan pengurusan yang cekap dan transformasi yang dijalankan secara berperingkat melalui penggunaan digital dan pelantar dalam talian (*platform*) dalam segala urusan pendaftaran dan pencarian wakaf, sesebuah institusi wakaf itu akan lebih menarik minat pewakaf terutamanya di kalangan masyarakat awam lebih-lebih lagi generasi baru yang ingin bersama dan turut serta menjayakan aspirasi wakaf di seluruh negara.

Sejarah Wakaf

Sejarah Pengurusan Wakaf di Arab Saudi

Pengurusan wakaf merupakan unit penting yang perlu ada dalam organisasi demi menjayakan visi dan misi sesebuah institusi wakaf. Secara tidak langsung, ia juga memainkan peranan terhadap struktur sosio-ekonomi dan masyarakat Islam di negara ini. Wakaf menggunakan pakai konsep berteraskan nilai-nilai Islam yang melibatkan sumbangan harta berupa wang tunai, hartanah, saham (Noh Bin Gadot et al. 2019) atau perkhidmatan (Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi et al. n.d.; Muhammad Firdaus Ab Rahman et al. 2020; Zubair Amir et al. 2024). Ia bertujuan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakat secara umum seperti kebajikan sosial termasuklah pendidikan dan kesihatan. Praktis wakaf di Arab Saudi tidak hanya tertumpu kepada wakaf tradisional seperti wakaf masjid dan wakaf sekolah, namun ia lebih menyeluruh termasuk dalam pembangunan infrastruktur perhotelan (Zawawi et al. 2023) sekaligus berhasil menjana ekonomi negara. Dasar penting ini menggariskan prinsip keadilan sosial dan kebajikan masyarakat dalam Islam.

Ketika pemerintahan Kesultanan Uthmaniyyah yang mengawal Hijaz sebelum penubuhan Kerajaan Arab Saudi, pengurusan wakaf terus berkembang sepanjang sejarah Islam (Dr. Monzer Kahf 2006) termasuk di wilayah Arab Saudi. Wakaf di kawasan ini diperluas untuk menyokong pelbagai inisiatif sosial, ekonomi dan pendidikan di bawah pengaruh pemerintahan Kesultanan Uthmaniyyah. Institusi-institusi besar seperti Masjidil Haram di Makkah dan Masjid Nabawi di Madinah menjadi fokus utama pengurusan wakaf yang cekap dan berkesan (General Authority of Awqaf 2023).

Penubuhan Kerajaan Saudi pada abad ke-20 menyaksikan transformasi pentadbiran wakaf di Arab Saudi. Raja Abdul Aziz Al Saud serta waris-warisnya menetapkan dasar dan struktur pentadbiran yang berkesan bagi pengurusan wakaf. Institusi-institusi seperti Majlis Wakaf dan Badan Kerajaan untuk Urusan Wakaf diperkenalkan untuk menguruskan aset-aset wakaf dengan teliti bagi memastikan penggunaan dana wakaf dapat dimanfaatkan sesuai dengan hukum-hukum yang telah digariskan di dalam Islam (Rini Cahyandari et al. 2023).


Wakaf boleh menjadi alat yang sangat berkesan dalam pengagihan semula kekayaan dan mengurangkan ketidaksamaan pendapatan bergantung kepada persekitaran (Sobir Komilov 2023). Pengurusan wakaf terus mengalami transformasi dalam konteks dunia moden termasuk di Arab Saudi. Kerajaan memperkenalkan inisiatif untuk memodenkan pengurusan wakaf dengan penggunaan teknologi (Jafar et al. 2025) dan sistem pengurusan berkomputer dalam setiap urusan wakaf. Objektif ini menjadikan pengurusan wakaf lebih sistematik serta memastikan transparansi dan akauntabiliti dalam pengagihan dana wakaf.

Wakaf di Arab Saudi

General Authority of Awqaf (GAA)

GAA ialah institusi wakaf yang diasaskan melalui dekre Di Raja pada tahun 1386H (A Alqarawi et al. 2024). Institusi ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan

mempunyai autoriti mengawal selia harta wakaf di seluruh Arab Saudi berkaitan kewangan dan pentadbiran. GAA ditubuhkan bagi meningkatkan peranan wakaf dalam pembangunan sosial dan ekonomi di Arab Saudi. Tahap perkembangan sistem wakaf di Arab Saudi :



Rajah 2: Perkembangan Pengurusan Wakaf di Arab Saudi. Sumber (Saudiapedia n.d.)

Objektif GAA:

GAA bertujuan untuk mengawal selia, mengekal dan membangunkan wakaf bagi merealisasikan syarat pewakaf serta meningkatkan peranannya dalam pembangunan ekonomi dan sosial selaras dengan objektif perundangan Islam (“Overview | General Authority for Awqaf” n.d.).

Fungsi GAA:

1. Penyeliaan ke atas pengagihan dana wakaf dan tindakan berkanun dalam merealisasikan syarat pewakaf tanpa campur tangan dalam kerja pengagihan dana.
2. Meluluskan permintaan penubuhan wakaf awam dan hibrid yang dibiayai oleh dana wakaf.
3. Mengagihkan dana wakaf kepada masyarakat, kecuali di atas permintaan pewakaf melantik pemegang amanah dari entiti atau individu selain daripada pihak berkuasa.
4. Mengendalikan pendaftaran wakaf di dalam negara.
5. Mengambil langkah yang perlu untuk mendapat manfaat daripada harta wakaf alih dan tak alih kerajaan di luar negara.
6. Merekod inventori harta wakaf dan mewujudkan pangkalan data umum (*open public access database*) yang terkini.

7. Mengambil langkah-langkah yang perlu untuk membangunkan kerja wakaf.
8. Membangunkan wakaf sedia ada dan wakaf baharu.
9. Mengeluarkan dana wakaf mengikut tujuan wakaf.
10. Mewujudkan projek wakaf, membangun dan mengekalkan harta wakaf.
11. Menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi.

Model Pengurusan Semasa

Peranan GAA dalam Memperkasa dan Mengekalkan Sektor Bukan Untung

Wawasan Saudi 2030 menetapkan bahawa sumbangan sektor bukan untung tidak melebihi 0.3% daripada KDNK. Sumbangan ini adalah sederhana jika dibandingkan dengan purata global sebanyak 6%. Pada masa ini, bahagian projek amal yang memberi impak sosial atau yang selaras dengan matlamat pembangunan negara jangka panjang adalah sebanyak 7% sahaja. Berikutan itu, undang-undang pertubuhan awam GAA menyumbang kepada sektor bukan untung berubah ke arah penginstitusian dengan langkah pengukuhan terhadap sokongan projek dan program yang terjejas secara sosial. Selain itu GAA juga bertanggungjawab memudahkan penubuhan organisasi bukan untung untuk keluarga melalui institusi wakaf *zurri* dan individu yang berharta sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan pesat sektor bukan untung.

Oleh itu, sokongan terhadap persekitaran dan teknikal akan diwujudkan dalam usaha pengukuhan kerjasama antara institusi sektor bukan untung, kerajaan dan agensi yang terlibat. Pelaksanaan piawaian tadbir urus yang baik dan berkesan akan memudahkan proses melatih kecekapan dan menyemai budaya sukarelawan dalam kalangan anggota masyarakat. Peranan GAA adalah penting dalam memaksimumkan impak pembangunan dan kemampanan sektor bukan untung untuk menjadikan institusi wakaf sebagai struktur yang kukuh dengan warganegara yang lebih bertanggungjawab. Ini termasuklah dengan memudahkan dan memperkasakan kerja sukarelawan dalam sektor bukan untung melalui pembangunan program, mekanisme dan undang-undang yang sesuai. Kerjasama dilakukan dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti sektor penciptaan program pembangunan, pembinaan produk wakaf dalam bidang pendidikan, kesihatan, perkhidmatan, perkhidmatan sosial dan program lain untuk menggalakkan sukarelawan dan penyelidikan saintifik dengan matlamat untuk mencapai 1 juta sukarelawan dalam sektor bukan untung setiap tahun berbanding 11 ribu pada hari ini. GAA mengambil bahagian secara aktif dalam menaik taraf indeks modal sosial daripada tempat ke-26 kepada tempat ke-10 dan memberikan impak yang ketara dari segi ekonomi (General Authority for Awqaf n.d.).

Responsibiliti Terhadap Masyarakat

Wakaf dianggap sebagai salah satu sumber penting yang boleh menyumbang kepada pembangunan mampan dan memainkan peranan penting dalam memacu ekonomi Islam (Norshahira Kamarzaman et al. 2024). Oleh itu, di Arab Saudi, GAA memainkan peranan yang

penting dalam menyediakan bantuan sosial di peringkat tempatan, serantau dan global melalui wakaf. Dalam usaha mendapatkan hasil dan impak yang maksimum, GAA berusaha mengukuhkan organisasi institusi wakaf antaranya dengan pendigitalan wakaf dan berikutan jumlah hampir 1000 yayasan dan sektor bukan untung, peraturan yang diperlukan untuk memperkasakan sektor ini akan dipertingkatkan agar lebih berdaya tahan. Sokongan kerajaan diberikan kepada program berimpak tinggi dengan sokongan pekerja latihan untuk menggalakkan sukarelawan membina kerjaya dalam sektor bukan untung. Ini membolehkan organisasi bukan untung menarik bakat yang berpotensi bagi memastikan amalan pengurusan terbaik dapat dilaksanakan demi mengukuhkan institusi wakaf dalam jangka masa panjang dan memastikan sektor bukan untung dapat memainkan peranan yang lebih cekap dalam sektor kritikal seperti penjagaan kesihatan, pendidikan, perumahan dan penyelidikan (“Vision 2030 Kingdom of Saudi Arabia ” n.d.).

Cadangan

Walaupun telah banyak kajian yang dilakukan terhadap wakaf di seluruh dunia, namun masih terdapat ruang untuk kajian dijalankan di Arab Saudi khususnya berkaitan pengurusan, pembangunan, risiko aset wakaf, *sukuk* wakaf, wakaf tunai dan sebagainya. Kajian boleh dilakukan berbentuk kualitatif atau kuantitatif dengan melibatkan responden dari kalangan warga Arab Saudi sendiri dan pemegang taruh. Kesenambungan dari kajian akan dapat mengoptimalkan maklumat serta data kepada pengkaji yang seterusnya. Oleh yang demikian, kajian wakaf di Arab Saudi dapat dimanfaatkan sama ada secara teori ataupun praktikal kepada institusi wakaf di seluruh dunia.

Kesimpulan

Walaupun terdapat banyak petunjuk untuk mengukur keberkesanan dalam konteks ini, namun sebenarnya aspek pengurusan institusi wakaf di Arab Saudi semakin dipertingkatkan antaranya dengan usaha pembiayaan penghantaran pegawai-pegawai yang berkaitan menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang pengurusan dengan kerjasama GAA – HEC Paris bagi menambah baik peranan pengurusan wakaf. Wakaf terus memainkan peranan penting dalam pelbagai sektor termasuklah kewangan, ekonomi, perundangan, politik dan pentadbiran. Kesimpulannya, hubungan dinamik yang telah ditemui antara wakaf dan pembangunan masyarakat di Arab Saudi khususnya Makkah dan Madinah sejak kedatangan Islam menunjukkan pengurusan wakaf berjalan dengan baik walaupun melalui transformasi dari zaman berzaman. Pengetahuan mendalam terhadap sorotan literatur ini tidak hanya memberikan pandangan terperinci mengenai pengurusan wakaf di Arab Saudi, namun ia juga diharap dapat menyumbang kepada pemikiran kritis dalam merangka strategi pada masa hadapan bagi pembangunan berterusan di negara ini dan peringkat global.

Rujukan

- A Alqarawi, S.A., Amer Abdulwahab Mahyoub Murshed & Mohamad Zaidi Abdul Rahman. 2024. The General Authority of Awqaf in The Kingdom of Saudi Arabia, and Its Efforts in Preserving and Developing Endowments: An Analytical Study. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 33(4): 282–309.
- Abdulahdi Mohammed Tahir. 2015. Comparative Study of Waqf in Malaysia and Saudi Arabia. International Islamic University Malaysia.
- AlNemer, H. 2022. Strengthening Governance of Waqf in the Kingdom of Saudi Arabia: Status, obstacles, and institutional transformation. *Archives of Business Research* 10(5): 78–91.
- Alotaibi, O.M.B. 2022. Governance and Management Practices in Waqf institutions in Saudi Arabia: A Case Study. <https://drepo.sdl.edu.sa/handle/20.500.14154/48130>.
- Alssadi, A.A.A.A. 2020. Waqf Company: Concept, Rulings and The Practice in the Kingdom of Saudi Arabia. *Journal of Economic Cooperation and Development* 41(4): 161–189.
- Alsuwaigh, M.A., Mohd Noor, A. Bin & Abdullah Othman, A.H. 2020. The Importance of the Accounting Disclosure as a Mediator Factor between the Shareholders of the Cash Waqf in the Kingdom of Saudi Arabia: The Theory of Planned Behavior. *International Journal of Business Ethics and Governance* 3(1): 15–24. <https://ijbeg.com/index.php/1/article/view/26> [24 June 2021].
- Monzer Kahf. 2006. *al-Waqf al-Islami Tatawwuruhi, Idaratuhu, Tanmiyatuhu*. Edisi ke-2. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Faiza Elmahgop, Faizah Alsulami, Mwahib Gasmelsied Ahmed Mohammed, Sufian Abdel-Gadir & Tomader Elhassan. 2025. The Socio-Economic Impacts of Waqf Investment Funds as a Model for Sustainable Financing in Saudi Arabia. *Sustainability* 17(9): 3805. <https://www.mdpi.com/2071-1050/17/9/3805>.
- Farhan, O., Hasan, A., Farhan, O., Hasan, A., Farhan, O. & Hasan, A. 2023. The Commitment of Waqf Institutions to Apply the Governance Principles and the Factors Affecting Them in Saudi Arabia. Laporan No. 488. *Lecture Notes in Networks and Systems* Vol. 488. Springer Science and Business Media Deutschland GmbH.
- Al-Ghamidi, H.S.A. (t.th.). The Waqf in Makkah and Madinah during the Rule of King Abdul Aziz ibn Abdul-Rahman Al-Sa'ud. King Abdul Aziz University.
- General Authority for Awqaf. (t.th.). Role Empowering and Sustaining Non-Profit Sector. *General Authority of Awqaf* <https://www.awqaf.gov.sa/en/non-profit-sector/gaa's-role-empowering-and-sustaining-non-profit-sector>.
- General Authority of Awqaf. 2023. *al-Awqaf al-Tarikhiyyah fi Makkah al-Mukarramah*. *General Authority of Awqaf* 1–244.
- Hanim Misbah, Fuadah Johari, Fauzias Mat Nor, Hasnah Haron, Syahidawati Shahwan & Zurina Shafii. 2022. Sustainable Development, Regional Planning, and Information Management as an Evolving Theme in Waqf Research: A Bibliometric Analysis. *Sustainability* 14(21): 14126.

- Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, Muhamad Firdaus Ab Rahman & Azman Ab Rahman. (t.th.). Integrasi Wakaf dan Pembiayaan Mikro Islam: Prospek dan Cabaran: Integration of Waqf and Islamic Microfinance: Prospects and Challenges. *Journal of Fatwa Management and Researchs* 16(2): 70–89. <https://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa/article/view/241> [15 July 2021].
- Jafar, A., Ibrahim, H. & Malik, R. 2025. Waqf: from classical charitable system to modern financial tool. *International Journal of Ethics and Systems* (July)
- Jasni Sulong & Muhammad Syamir Izzuddin Zulkifli. 2022. Pembangunan Wakaf Dhurri: Penubuhan Syarikat Keluarga Ke Arah Kelestarian Sumber Ekonomi. *Journal of Contemporary Islamic Law* 7(1): 26–34.
- Kasdi, A., Karim, A., Farida, U., Huda & M. 2022. Development of Waqf in the Middle East and its Role in Pioneering Contemporary Islamic Civilization: A Historical Approach. *Journal of Islamic Thought and Civilization* 12(1): 186–198.
- Mawaddah, A., Atiqah, S.N. & Batubara, M. 2024. Development Of Waqf Management In Saudi Arabia. *Journal of Accounting Research, Utility Finance and Digital Assets* 2(3): 889–893.
- Al Malki, A.S.E. & Prof. Ahmad Che Yaacob. 2023. Developing A Model of Islamic Waqf in Achieving Sustainable Development in Saudi Arabia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 13(9): 1024–1032. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i9/18492>.
- Mohammed Alomair. 2018. Governance and Accountability in Corporate Waqf Institutions in Saudi Arabia. Royal Holloway, University Of London. <https://pdfs.semantic scholar.org/6583/e1cf475c1cee1f26d03f3d7ac8aca93d0f37.pdf>.
- Muhammad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, Azman Ab Rahman & Siti Farahiyah Ab Rahim. 2020. Peranan Wakaf Dalam Mendepani Pendemik Covid-19. *Journal of Fatwa Management and Research* 22(1): 49–64.
- Noh Bin Gadot, Nurul Syuhada Bt Yahya & Mohd Rilizam Bin Rosli. 2019. Konsep Saham Wakaf Johor dan Perkembangannya di Malaysia: The Concept of Saham Wakaf Johor and its Advancement in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* 16(2 SE-): 1–14. <https://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa/article/view/236>.
- Norma Md Saad, Salina Kassim & Zarinah Hamid. 2016. Best practices of waqf: Experiences of Malaysia and Saudi Arabia. *Journal of Islamic Economics Lariba* 2(2): 57–74. <https://journal.uui.ac.id/JIELariba/article/view/9685>.
- Norshahira Kamarzaman, Azlin Alisa Ahmad, Mat Noor Mat Zain & Mohd Zamro Muda. 2024. Peranan Wakaf dalam Penggerak Ekonomi Islam bagi Menangani Keterbatasan Dana dalam Penyelidikan dan Inovasi di Sektor Pendidikan TVET. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)* 7(2): 290–308.
- Al-Omar, D.F.A. 2019. *Idarah al-Awqaf, al-Wāqi' wa al-Namuzaj al-Muassasi al-Fi'al*. Edisi ke-1st. Kuwait: Dar Iqraa li al-Nasyar wa al-Tauzi'.
- Overview | General Authority for Awqaf. (t.th.). <https://www.awqaf.gov.sa/en/about-authority> [19 April 2022].

- Rini Cahyandari, Kalfin, Sukono, Sri Purwani, Dewi Ratnasari, Titin Herawati & Sutiono Mahdi. 2023. The Development of Sharia Insurance and Its Future Sustainability in Risk Management: A Systematic Literature Review. *Sustainability (Switzerland)* 15(10) Saudipedia. (t.th.). General Authority for Awqaf. *Ministry of Media Saudi Arabia* <https://saudipedia.com/en/article/294>.
- Sobir Komilov. 2023. The Evolution of the Institution of Waqf in its Historical Context in the Middle East: An Alternative View. *JKAU: Islamic Econ.* 36(1): 27–43.
- Suad About Bin Afif. 2018. Al-Awaqf (Endowments) and Society, Abdullah Bin Nasser Al-Sadhan, 2nd E, 2018, Riyadh: Sae for AWQAF Development. *Majallat Jami'at 'Abd al-Aziz: al-Iqtisad al-Islami.* 3(31) 175-184.
- Sulaiman Bin Abdulaziz Al-Rajhi Holding. 2025. Direct Investment Portfolio. *Waqf Sulaiman Al-Rajhi*
- Sulaiman Saleh Mohaijeen AlRashed. 2020. Waqf Investment Funds and Its Implementation in The Kingdom of Saudi Arabia: A Proposed Project. <https://drepo.sdl.edu.sa/handle/20.500.14154/15996>.
- Al-Tulaibawi, A., de Frutos Madrazo, P. & Martín-Cervantes, P.A. 2024. Waqf: An Advanced Approach to Combating Agricultural Land Fragmentation in Islamic Countries. *World* 5(4): 1386–1403.
- Vision 2030 Kingdom of Saudi Arabia . (t.th.). https://www.my.gov.sa/wps/wcm/connect/8b0a1ee7-3926-42c0-9c7f-8d5ec3424ddb/Saudi_Vision2030_EN.pdf?MOD=AJPERES&CVID=mOKTIUu [19 April 2022].
- Zawawi, Yuli Yasin, Muhammad Irfan Helmy, Ali Ma'yuf & Agus Arwani. 2023. Waqf and sustainable development law: models of waqf institutions in the Kingdom of Saudi Arabia and Indonesia. *Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan* 23(1): 93–114.
- Zubair Amir, Nur Mardia Mazri, Muhammad Ikhlas Rosele & Luqman Abdullah. 2024. Service Waqf: Fiqh Perspectives and Recommendations on Implementation. *Jurnal Syariah* 32(1): 74–99.